

Panduan pilih Datuk Kelana Putra

SEREMBAN, Ahad — Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan dijangka mengumumkan garis panduan baru dalam mesyuaratnya yang akan datang bagi memecahkan kebuntuan berhubung urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Difahamkan mesyuarat dewan akan datang dijadual berlangsung akhir bulan ini. Lazimnya dewan bermesyuarat sekali dalam masa tiga bulan.

Bagaimanapun, mesyuarat khas dewan boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut keperluan, terutama apabila wujud perbalahan atau krisis dalam urusan pentadbiran Adat Perpatih di mana-mana Luak di negeri ini.

Menurut sumber-sumber tertinggi adat, dewan sudah menentukan senarai terakhir calon daripada kalangan anak-anak Waris Kelana (Waris di Darat) yang benar-benar layak menyandang pesaka Datuk Kelana Putra ke-10.

"Soal penentuan calon yang benar-benar layak menyandang pesaka Datuk Kelana Putra ke-10 adalah menjadi hak mutlak anak-anak Waris di Darat sendiri dan tanggungjawab itu akan diserahkan kepada anak-anak Waris."

"Langkah ini selaras dengan aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong. Dewan Keadilan dan Undang Negeri tidak mempunyai kuasa melantik Undang di mana-mana Luak di Negeri Sembilan."

"Bidang kuasa dewan hanyalah sekadar merestui atau menolak sesuatu perantikan dan laladat perantikan yang mematuhi aturan adat lazimnya akan disahkan oleh dewan," kata sumber-sumber itu.

Berita Harian difahamkan garis panduan itu menyentuh peraturan yang perlu diikuti oleh anak-anak Waris Kelana bagi memudahkan usaha memilih bakal penyandang pesaka Datuk Kelana Putra ke-10.

Juga difahamkan penentuan senarai terakhir calon itu dibuat oleh ahli dewan berdasarkan kepada aturan sebenar adat Luak Sungai Ujong dalam satu perbincangan khas baru-baru ini.

"Setelah menentukan senarai terakhir calon Datuk Kelana Putra ke-10, barulah dewan menyerahkan tanggungjawab memilih bakal penyandang pesaka itu kepada anak-anak Waris Kelana," kata sumber-sumber itu.